

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 MAC 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## Pelan Insurans khas bela keluarga miskin

# Pelan insurans khas bela keluarga miskin

**Pampasan RM10,000 bagi kehilangan pendapatan akibat kematian KIR**

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Rakyat miskin yang kehilangan punca pendapatan akibat kematian ketua isi rumah (KIR) akan dilindungi menerusi pelan perlindungan insurans yang akan disediakan kerajaan, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, Pelan Perlindungan Insurans Kepada Isi Rumah (IR) Miskin yang kehilangan punca pendapatan akibat kematian KIR itu membatik kira-kira 268,000 keluarga miskin berdaftar dalam e-Kasih dengan setiap keluarga akan me-

nerima RM10,000.

"Setiap isi rumah akan menerima RM10,000 dengan peruntukan sebanyak RM13.4 juta setahun," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas mengengerusikan mesyuarat Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) Bilangan Satu Tahun 2022 di Bangunan Parlimen, semalam.

Ismail Sabri berkata, mesyuarat itu juga bersetuju agar tahap sosioekonomi Keluarga Malaysia ditingkatkan dengan memberi nilai tambah dan tumpuan kepada Program Peningkatan Pendapatan bagi Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin dan Miskin Tegar yang berdaftar dalam eKasih.

Katanya, perkara lain yang dipersetujui ialah memperkasa agenda perlindungan sosial sehingga ke peringkat daerah pentadbiran menerusi Jawatankuasa Teknikal Perlindungan Sosial Negeri (JTSPSNg) bagi menyelaras Pemetaan Program dan Profil Perlindungan Sosial Fasa Dua.

"Selain itu, mesyuarat MySPC

juga bersetuju agar Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) diberi tanggungjawab menerajui Jawatankuasa Kerja Memodenkan Subsidi Bagi Meningkatkan Produktiviti," katanya.

Tidak menyatakan tempoh masa bila semua tindakan itu akan dilaksanakan, Ismail Sabri berkata, langkah-langkah yang diputuskan dalam mesyuarat itu akan membantu memantapkan agenda perlindungan sosial untuk mencapai sasaran miskin tegar sifar menjelang tahun 2025 seperti dihasratkan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Beliau berkata, pandemik COVID-19 menyedarkan semua pihak mengenai kelemahan sistem perlindungan sosial kebanyakan negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia.

Beliau berkata, sejak dua tahun lalu, penularan COVID-19 mengakibatkan ekonomi negara terjejas, perniagaan tidak dapat beroperasi dengan sebaiknya dan ramai yang kehilangan pekerjaan hingga menyebabkan ada yang



Ismail Sabri menjawab soalan pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri pada Persidangan Dewan Negara di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

terjerumus ke dalam kelompok kemiskinan.

"Justeru, kerajaan menerusi Majlis Perlindungan Sosial Malaysia telah mengenal pasti mekanisme perlindungan sosial yang lebih dinamik, fleksibel serta mampu bertindak balas dengan sebarang risiko yang dihadapi oleh Keluarga Malaysia," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri melancarkan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) Fasa 1: Bantuan Sosial (Persekutuan) yang menjadi laluan tunggal serta sumber rujukan utama prog-

ram perlindungan sosial.

Ia membatik 167 program daripada 17 kementerian atau agensi yang mengandungi 13.7 juta data profil individu penerima manfaat sehingga 2020, termasuk program perlindungan sosial merentasi pelbagai kementerian atau agensi seperti elemen Pekerjaan, Insurans Sosial dan Bantuan Sosial.

"Akses penuh sistem ini kepada orang awam dan semua pihak berkepentingan akan dibuka selepas Modul Insurans Sosial dan Intervensi Pasaran Buruh siap dibangunkan selepas 2023," katanya.